

## AKAR SAGA

Nama saintifik	:	<i>Abrus precatorius</i>
Nama biasa	:	Rosary Pea, Jequerity, Crab's Eye, Precatory Bean, Gunja, Ratti
Nama tempatan	:	Akar saga
Famili	:	Leguminosae

### Pendahuluan

Merupakan tumbuhan yang boleh tumbuh dengan agak lama dan kebiasaannya melilit pada pokok serta tergolong dalam tumbuhan renek. Tumbuhan dari keluarga kekacang, susunan daunnya secara berpelepah dan mempunyai hujung anak daun. Ia juga dikenali sebagai Gunja dalam bahasa sanskrit atau dalam lain-lain bahasa India. Dikenali sebagai Ratti dalam bahasa Hindi. Tumbuhan ini mudah dikenali disebabkan oleh rupa bentuk bijinya dan biasanya digunakan sebagai manik. Bijinya sangat beracun disebabkan oleh kehadiran ‘abrin’. Tumbuhan ini banyak ditemui di Indonesia dan mudah tersebar khususnya di kawasan yang terdapat pokok ini dan kadang-kadang dianggap sebagai rumput. Kulit bijinya berpintal apabila terbuka dan bijinya terdedah. Bijinya agak leper dan pendek berukuran 1.5 - 2.0 cm panjang dan mempunyai warna yang menarik.



### Ciri-ciri Tumbuhan

Merupakan pepanjat berkayu dengan bentuk dahan yang nipis. Bunganya berbentuk seperti kacang pea, warna putih hingga kemerahan dan bersaiz kecil.

### Tabit Tumbuhan

Merupakan tumbuhan memanjang dan boleh hidup dalam tempoh yang lama.

### Bahagian yang digunakan

Biji , daun dan akar

### **Amalan Tradisi Tumbuhan**

Bijinya yang diproses digunakan dalam rawatan aprodisiak, anti kuman, diuretik, ubat kahak, pencuci perut, penyejuk badan dan berkeupayaan untuk menenangkan fikiran. Bahagian akar digunakan untuk merawat gonorea (penyakit kelamin), penyakit kuning. Minyak ekstrak dari biji benih digunakan dalam rawatan rambut. Bijinya juga digunakan untuk mencegah kahamilan, rawatan kencing manis dan radang buah pinggang yang kronik (neftiris) .